

# Anwar beri SPRM 'restu' siasat menteri, pegawai terpalit rasuah

Perdana Menteri nyatakan komitmen hapus salah laku di negara ini

Oleh Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi kuasa penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat mana-mana penjawat awam, termasuk pegawai khas beliau sendiri dan anggota Kabinetnya, jika disyaki terbahit dalam rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata perkara itu dimaklumkan sendiri oleh Perdana Menteri kepadanya.

"Anwar memberitahu bahawa SPRM tidak perlu menunggu 'restu' Perdana Menteri untuk memulakan siasatan terhadap mana-mana kes.

"Secara peribadi, saya boleh mengatakan bahawa Perdana Menteri adalah seorang yang serius dalam membanteras rasuah negara ini.

"Pernah dia (Anwar) berkata kepada saya, Azam, kalau sekiranya ada pegawai kerajaan, menteri-menteri kaya ke atau pegawai khas saya ke, atau mana-mana pegawai khas, kalau sekiranya anda rasa ada mereka melakukan rasuah, sila siasat.

"Jangan tunggu untuk arahan atau kebenaran daripada saya,

Saya berikan anda kebenaran untuk menyiasat mereka," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Integriti peringkat Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) di sini semalam.

Katanya, Perdana Menteri juga menyatakan komitmennya untuk menghapuskan rasuah di negara ini.

Menyentuh isu lain, Azam berkata, panel jawatankuasa bebas sedia ada sudah memadai untuk menyiasat mana-mana pegawai SPRM yang didakwa terbahit dalam salah laku.

Ketika ini suruhanjaya itu dipantau oleh lima panel bebas, termasuk Jawatankuasa Aduan (JKA) SPRM.

"Jawatankuasa ini sudah lama diwujudkan untuk menyiasat mana-mana pegawai SPRM, tetapi untuk kes jenayah, ia di bawah bidang kuasa polis.

"Pada saya (panel jawatankuasa bebas) yang ada sekarang ini sudah memadai di mana sekiranya berlaku salah laku, kita sudah lama ada jawatankuasa bebas untuk siasat pegawai SPRM ini," katanya.

Semalam, Ahli Parlimen Damansara, Gobind Singh Deo, ketika membahaskan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2024 peringkat jawatankuasa bertanya bila kerajaan akan menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat aduan terhadap pegawai SPRM yang didakwa akibat dakwa salah laku.

Gobind berkata, sehingga kini, masih belum ada terdengar apa-apa tindakan diambil sekiranya pegawai SPRM dituduh



Fahmi melakukan gimik perasmian sambil disaksikan Azam (kiri) pada Majlis Sambutan Hari Integriti peringkat Kementerian Komunikasi dan Digital di Putrajaya, semalam.

(Foto Eizairi shamsudin/BH)

akibat terbahit dalam salah laku.

Malah, beliau mempersoalkan alasan di sebalik dana yang diperuntukkan kepada suruhanjaya berkenaan untuk tahun depan.

Berucap pada majlis itu, Azam meminta Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melihat semula sistem dan prosedur, tatacara kerja dan governans lama yang boleh dibaiki, dalam usaha

meningkatkan integriti jabatan dan agensi di bawahnya.

Katanya, ia seiring dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan integriti dan mengurangkan elemen rasuah, serta memperbaiki aspek tatakelola dan governans.

"Banyak perkara kita boleh lihat di mana antara lain berkaitan undang-undang dan prosedur yang dah lama dan lapuk, perlu dikaji semula," katanya.

## IKKD tekan integriti

Sementara itu, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil turut menekankan amalan integriti dalam KKD berkata, saranan Azam disahut untuk dilakukan penambahbaikan dalam agensi di bawah kementeriannya.

Terdahulu, Fahmi turut memimpin bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) warga kementerian Komunikasi dan Digital disaksikan Azam.